

# BELAJAR MENGENAI ALAM

**Mendekati** Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam di Kampung Air Hitam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang ini memberikan peluang kepada pengunjung mengenali habitat kehidupan alam flora dan fauna di kawasan berpaya di tepi Sungai Krek ditadbir urus Jabatan Perhutanan Pulau Pinang serta Pejabat Renjer Bukit Mertajam.

Bagi meneroka hutan itu pengunjung perlu menggunakan lauan pejalan

kaki yang dibina secara konkrit sambil menikmati keindahan alam semula jadinya.

Pembinaan hutan pelajaran ini bukanlah bertujuan untuk beriadah dan rekreasi semata-mata namun boleh dijadikan tempat pengunjung mengenali lebih dekat habitat flora dan fauna di kawasan berpaya serta pendedahan pendidikan alam sekitar sesuai dengan nama yang diberikan.

>7



# POKOK ARA RATUSAN TAHUN

Jambatan gantung bolehkan pemandangan menyeluruh kawasan hutan disaksikan

## DARI MUKA 1

Sebaik menggunakan laluan pejalan kaki itu, pengunjung boleh melihat pelbagai tumbuhan yang hidup subur terutama pokok nipah dan jika bernasib baik anda berpeluang melihat buah nipah yang mempunyai rasa sungguh sedap seperti isi kelapa. Lazimnya digunakan dalam campuran minuman ais kacang.

Malah anda pasti tidak terlepas pandang pokok ara yang usianya ratusan tahun dengan akar banir bercabang 'mencucuk' ke permukaan kawasan berpaya dan menimbulkan panorama sungguh menarik.

Jika keletihan, terdapat wakaf berbumbung yang lengkap dengan tempat duduk disediakan untuk pengunjung berehat sambil menyedut udara segar dan menikmati pemandangan kawasan tanaman pokok putat di belakang rumah penduduk kampung itu.

Pokok putat sebenarnya sejenis pokok ulaman yang banyak ditanam di kawasan ini dan spesies tumbuhan hidup di kawasan berpaya dan pucuknya boleh dibuat ulam.

Tidak lengkap jika anda tidak berjalan di jambatan gantung yang dibina bagi membolehkan pemandangan menyeluruh kawasan hutan berpaya di tepi sungai itu.



JAMBATAN gantung yang mampu menguji keberanian pengunjung



POKOK ara berakar banir hidup ratusan tahun



PENEROKAAN hutan pelajaran bermula di sini menggunakan laluan kankrit

Terdapat juga menara jambatan gantung dan anda perlu menaiki anak tangga menara itu menuju ke jambatan gantung dan dari situ perlu berjalan dengan berhati-hati mengikut had yang ditetapkan.

Di atas jambatan gantung sepanjang kira-kira 100 meter itu, anda boleh melihat dengan lebih dekat habitat flora dan fauna di kawasan berpaya itu.

Bagi yang suka merakamkan panorama alam semula jadi eloklah mengunjung hutan ini kerana sudah pasti gambar dirakam tidak menghampakan.

Kawasan hutan pelajaran ini mempunyai pelbagai jenis spesies hidupan flora dan fauna. Bagi yang ingin menyelami dan membuat kajian berkenaan kehidupan habitat di kawasan berpaya itu bolehlah menjadikan hutan ini antara sumber bahan penyelidikan.

Tidak sukar berkunjung ke sini kerana anda yang menggunakan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) boleh ke susur

keluar Plaza Tol Sungai Dua dan dari situ perlu teruskan perjalanan kira-kira lima kilometer sebelum menemui papan tanda tempat itu.

Apabila berada di kawasan hutan ini, pengunjung dinasihatkan supaya tidak mencemarkan persekitarannya dan perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Ia bagi menjamin dan memastikan ekosistem alam tidak diganggu kerana sudah menjadi tanggungjawab bersama memelihara serta memulihara alam sekitar yang juga anugerah ciptaan Tuhan ini.

-Rosman Shamsudin

## INFO

- Dibuka pada jam 8 pagi-5 petang
- Masuk percuma
- Jambatan gantung had maksimum dewasa 7 orang kanak-kanak 10 orang
- Pengunjung perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan



PEMANDANGAN dan panorama menarik ditawarkan di Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam